



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang yang berkaitan dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi tender berikut:-

NO. TENDER	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
JAIS.UPP.400-5/8/13(26/28)	Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Dan Membersih Kawasan Dan Menyelenggara Lanskap Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Institut Pemberdayaan Ummah Selangor (INSEL) Daerah Sabak Bernam	221001 - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat 221002 - Membersih Kawasan	Tarikh : 01 Julai 2026 (Rabu) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Dewan Kuliah Melati, Institut Pemberdayaan Ummah Selangor, Sungai Lang, Parit Baru, 45100 Sungai Air Tawar Sabak Bernam, Selangor
JAIS.UPP.400-5/8/12(26/29)(R)	Perolehan Perkhidmatan Sewaan (Sewa Guna) Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Menyelenggara Perkakasan Dan Perisian ICT Di Jabatan Agama Islam Selangor Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Bermula Pada Tahun 2026 Hingga 2029	210101, 210102, 210103 dan 210109	Tarikh : 01 Julai 2026 (Rabu) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Bilik Kuliah Sakinah, Aras G, Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS), 40476 Shah Alam, Selangor

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti butiran di atas. Hanya penama dalam pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan hadir ke sesi taklimat. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat. Kegagalan menghadiri taklimat tender akan menyebabkan petender **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Petender hendaklah menyediakan cop syarikat, salinan Kad Pengenalan Penama, salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) seperti kod bidang yang disenaraikan di atas dan salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya berkaitan) yang masih sah tempohnya untuk pengesahan sebelum dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Satu (1) set sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan JAIS ini semasa menghadiri taklimat.

Naskah meja tawaran boleh disemak di **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada waktu pejabat bermula **01 Julai 2026 (Rabu)**.

Harga Dokumen Tender ialah **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)**. Dokumen Tender hanya dijual secara dalam talian. Bayaran hendaklah dibuat melalui Sistem Penjualan Dokumen Tender Dan Sebutharga Negeri Selangor di laman <http://tender.selangor.my> mulai **03 Julai 2026 (Jumaat)**. **Dokumen Tender hanya boleh diambil oleh pemilik syarikat secara fizikal** dengan mengemukakan Resit Pembelian Borang Tender ke **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada waktu pejabat. Hanya satu (1) dokumen tender dibenarkan untuk seorang pemilik syarikat.

Dokumen Borang Tawaran Tender hendaklah dibuat mengikut salinan borang yang telah ditetapkan dan diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan nombor tender di sebelah atas kiri sampul surat tersebut dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor,
Unit Pentadbiran Dan Perolehan
Tingkat 8, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40676 Shah Alam, Selangor.

Tarikh tutup tender adalah pada **23 Julai 2026 (Khamis) jam 12.00 Tengah hari**. Tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana permohonan tender yang dikirimkan melalui pos. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pejabat ini di talian 03-5514 3453.